

TAHUN 2014 – Saya restart blog saya



Foto oleh Saiful Nang | Utar Pradesh, India

Bukan nak meraikan sangat kedatangan awal tahun gregori ini tetapi sekadar terfikir, berapa lamakah saya nak berada di facebook. Esok lusa mungkin facebook saya boleh disenyapkan oleh tangan-tangan ghaib. Maka, berpatah baliklah di blog ini sambil-sambil update di FB. Mungkin lebih banyak buah fikiran boleh dikongsikan di sini. Hatta, banyak juga posting saya yang ingatkan pendek rupanya dah panjang macam satu artikel baru.

So...rajin-rajinlah datang tengok blog ini ek.

Sejarah lalu seperti gambar-gambar pengantin etc yang ada dalam blog ini biarlah. Biarkan ia menjadi sebahagian sejarah saya. Supaya anda semua tahu, saya bukannya malaikat

dan saya berada pada hari ini kerana satu pembaikan. Lebih baik kan? Saya tidak dilahirkan sempurna tapi saya mahu berusaha menjadi sempurna.

Tahun ini tahun penting saya. Perkembangan Rumah Pengasih Warga Prihatin dan juga desakan alam untuk mempercepatkan proses penubuhan Sekolah Warga Prihatin telah meletakkan saya bersama beberapa sahabat pengasas yang lain untuk berada dalam jemaah penubuh sekolah integrasi Warga Prihatin. Ia sebuah sekolah Islam tetapi tidak dinamakan ISLAM itu pada nama sekolah itu. Biarkanlah ia lebih universal kerana Islam itu untuk semua. Kami kira, Mr. Fong yang tak putus-putus memberikan kayu kayan dan penggunaan lori beliau pun wajar merasai nikmat sistem sekolah terbaik ini walaupun beliau bukan Islam.

Mengapa kami katakan sistem pendidikan itu yang terbaik? Pasti kerana ia mengikuti 100% Quran & Sunnah. Nanti orang kata, apa beza dengan tahfiz dan pondok yang sedia ada? Ok, kami tak mahu komen lagi kerana komen itu perlukan penjelasan panjang lebar. Mudahnya, jika ada satu pendidikan yang benar-benar mengikuti acuan quran dan sunnah, pastinya kita mampu melihat kelibat orang-orang Islam sehebat Saladdin, Ibnu Sina, Al-Farabi, Ibnu Khaldun, Abdurrahman Auf, Khidir a.s, Ibrahim a.s dan banyak lagi. Islam apabila hari ini lebih baik dari semalam. Maka, seharusnya dengan sistem Islam itu, Zaman hari ini lebih baik dari zaman nabi-nabi terdahulu. Jika tidak, mengama nabi bersabda "Celakalah orang yang menyamakan 2 hari dalam hidup mereka" (tiada islah / pembaikan).

Itu wawasan besar tahun 2014. Doakan yang terbaik ☐

SAIFUL NANG

Guru Besau